

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Sunday, 10 May, 2020 1:50 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: UUM Menjunjung Cadangan Tuanku Sultan Tubuh Pusat STEM

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 16 April 2020 20:31
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: UUM Menjunjung Cadangan Tuanku Sultan Tubuh Pusat STEM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 APRIL 2020 / 22 SYAABAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Media, UUM Corporate Comm.
Gambar oleh: Fotografi, UUM Corporate Comm. dan Warta Kedah

UUM MENJUNJUNG CADANGAN TUANKU SULTAN TUBUH PUSAT STEM



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menjunjung cadangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah supaya universiti ini dapat menubuhkan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau menjunjung kasih di atas kepercayaan Tuanku Sultan kepada UUM untuk menubuhkan Pusat STEM tersebut.

Menurutnya, UUM menjunjung perintah dan akan merealisasikan hasrat Tuanku Sultan yang berusaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat setempat mengenai kelebihan serta peluang diperolehi pelajar yang memilih bidang tersebut.

Katanya, selaku sebuah universiti yang bervisikan menjadi 'Universiti Pengurusan Terkemuka', UUM sentiasa peka terhadap kepentingan pendidikan STEM yang menekankan konsep berpandukan komponen 4K iaitu komunikasi, kerjasama, kreativiti dan pemikiran kritikal seperti yang terkandung di dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

"UUM mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang seperti sains pembuatan keputusan, teknologi maklumat, teknologi pengurusan, teknologi media dan matematik perniagaan.

"Universiti akan memulakan tindakan selanjutnya bagi membolehkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah dapat direalisasikan termasuk rundingan penubuhan pusat pengajian yang belum ada di UUM dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi," katanya.

Naib Canselor berkata, UUM juga telah mengadakan pelbagai program di UUM dan kawasan sekitar bagi mempromosikan budaya STEM, antaranya '*STEM Camp*' yang bertujuan untuk memberi pendekatan dan pendedahan terhadap bidang STEM, di samping menekankan kepentingan pengaplikasian STEM dalam polar dan corak kehidupan seharian.

Menurutnya, usaha itu diteruskan lagi apabila pensyarah Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), Dr. Masnita Misiran @ Bakun telah dilantik sebagai 'My STEM Ambassador' oleh Jabatan Pengajian Tinggi pada tahun lalu.

Katanya, beliau percaya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah ini juga adalah selaras dengan hasrat UUM untuk menjadi sebuah kampus digital dalam waktu terdekat.

"Ia juga adalah bertepatan dengan usaha Kerajaan Negeri Kedah untuk membangunkan Bukit Kayu Hitam sebagai Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) yang mana UUM akan bekerjasama dengan PKT Logistics Group Sdn. Bhd untuk mewujudkan sebuah institut logistik di Bukit Kayu Hitam, selain itu perancangan untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang akan menjadi pencetus kepada penggunaan teknologi lebih meluas di negeri ini.

"Saya yakin pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah ini akan membantu mempercepatkan usaha meningkatkan pendapatan per kapita Kedah kerana pembudayaan STEM pastinya akan melahirkan generasi yang berdaya tahan dan berpengetahuan tinggi yang bukan sahaja akan menjadi pengguna teknologi malah akan mencetuskan teknologi," katanya.

Dalam titah Tuanku Sultan yang juga Canselor UUM mencadangkan penubuhan Pusat STEM bagi menyebarkan pengetahuan dalam bidang berkenaan kepada semua peringkat terutamanya akar umbi.

Dalam masa sama, baginda turut menzahirkan harapan agar kerajaan negeri menetapkan hala tuju pendidikan negeri dengan memperkasakan bidang tersebut.

Titah baginda itu diedarkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah bersempena Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah Ke-14 di Wisma Darulaman, hari ini.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.